

e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAMBAH
<http://www.uitm.edu.my>



Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang



Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News & Reports</u>	4
<u>Club News & Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching & Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90



Dalia bersedih lagi. Tanpa membuang masa, dia terus meluru ke rumah gurunya. Selepas kehilangan ibunya 8 tahun lepas, Ustazah Hanihlah yang menjadi tempat mengadu domba dan sekiranya airmatanya ditakung, mahu banjir rumah gurunya itu. Dalia fikir untung juga rumah Ustazah Hanih tidak jauh dari rumahnya, jadi tidaklah perlu naik Grab semata-mata untuk pergi menangis di riba beliau.

Setibanya Dalia di situ, Ustazah sudahpun menyediakan sedikit kudapan di meja makan. Manakan lalu nak makan, sesak dadanya dengan kesedihan dan kekecewaan. Dalia terus duduk di sofa, walaupun tidak dijemput. Ustazah mengajaknya makan, tapi dia menolak dan menarik tangan Ustazah supaya duduk di sebelahnya.

Ustazah bersuara, 'kamu ni menangis lagi...banyak betul airmata yang keluar. Nanti haus hilang air dari badan.'

Dalia menangis teresak-esak di bahu Ustazah. Kepalanya diusap lembut. Ustazah Hanih hanya tergelak-gelak kecil.

'Ustazah faham kamu sedih. Betul apa yang kamu beritahu dalam WhatsApp tu, memang ada manusia yang saja suka-suka menyakitkan hati dan menyusahkan orang. Tapi kamu kena ingat juga, perkara itu jadi kerana Allah izinkan. Ujian atas kamu, ujian juga atas orang itu.'



Sumber: Google picture

Dalia mendengus lalu menjawab, 'Tapi kenapa asyik saya je yang kena? Saya buat salah apa?'

Ustazah hanya tersenyum. 'Itulah namanya dengan keizinan Allah. Allah mahu kamu yang rasa. Tapi Ustazah ada kisah nak kongsikan dengan kamu. Nak dengar tak? Kalau nak dengar, jom kita minum air dan makan karipap. Kering tekak cakap panjang-panjang tanpa air. Nasiblah bukan bulan puasa.'

Ustazah Hanih sememangnya handal memujuk. Dalia melangkah perlahan dan duduk di meja makan. Di situ, Ustazah Hanih memulakan langkah persilatan penceritaannya.

'Kalau kamu rasa Ustazah tak pernah rasa sedih dan kecewa, itu memang tipu. Ada masa kita nasihat orang, kita sebenarnya tak boleh guna pun nasihat itu pada diri sendiri. Tapi Ustazah ada formula tau.. Ustazah guna formula 2 2 8.'

Dalia hanya merenung muka Ustazah. Kedutan di birai matanya semakin banyak dan jelas, tapi masih cantik dan mendamaikan.

'Nombor 2 yang pertama itu, adalah antara 2 orang. Kamu dan diri kamu. Kamu yang kawal akal kamu, kamu juga yang kawal tindakan kamu. Kamu yang pilih samada mahu terus terjelepek atau bangkit dan jalan terus. Nombor 2 yang kedua juga antara dua pihak. Ianya adalah antara kamu dan Tuhan. Kamu ada Tuhan, kamu adukanlah sepuas hati kamu padaNya. Nangislah sebanyaknya. Tadahkan tangan kamu selama mana kamu mahu. Kamu kena yakin Dia ada di situ.'

Dalia diam seketika. Masih keliru, tapi sangat tidak sabar untuk tahu. Lalu, dia bertanya, 'Jadi, apa yang nombor 8 tu?'

Ustazah Haniah tergelak sedikit. 'Sebenarnya Ustazah suka nombor 8 tu. Nak letak nombor lain, rasa sikit sangat, nombor 9 macam banyak sangat. Nombor 8 macam sedang elok. Jadi 8 itu adalah bilangan kisah dan perjalanan orang-orang di sekeliling kita. Ada pelbagai ragam dan nasib. Pernahkan kamu dengar berita ada anak yang kehilangan ibu bapa sekelip mata dalam kemalangan? Tapi alhamdulillah, masih ada yang sayang, mereka kini dijaga oleh ibu saudara mereka. Tapi sedih tetap sedih, kan? Itu baru satu kisah. Kisah dua, ada seorang ibu bersama anak-anak yang masih kecil, hidup dalam serba kekurangan. Kalau setakat jalan kaki sejauh 1-2 kilometer bersama anak-anaknya berusia 1-2 tahun itu adalah biasa. Kawan-kawan ibu itu ramai yang kahwin dengan orang kaya, tetapi dia memilih suami yang sangat sederhana. Namun suaminya sangat baik, bertanggungjawab, cuma tidak berduit. Kawan baiknya pula, kehidupan sangat mewah, rumah ada lif, kereta 4-5 biji, cukuplah segalanya! Tetapi kehidupan sangat terkongkang, nak balik tengok ibu bapa tidak boleh. Bila telefon kawan pun dimarah-marah, kalau anak-anak meragam, suaminya akan mengamuk baling-baling barang, semua orang dimaki hamun, kadangkala naik juga kaki tangan. Anak-anak semua hidup dalam ketakutan. Stres juga, kan? Baik, dah 3 kisah, kan?'

Dalia menganguk. Ustazah sambung lagi.

'Kisah 4, seorang ayah ini sudah sangat tua, tetapi anaknya yang berusia 60 tahun adalah seorang yang cacat akalnya. Makan, mandi, pakai baju semua masih diuruskan oleh ayahnya yang sudah berusia 85 tahun. Tetapi oleh kerana tiada saudara mara, mereka masih bertahan. Kisah 5, seorang anak yang berusia 17 tahun mempunyai tanggungjawab yang sangat besar kerana adik-adik masih kecil, ayahnya sudah tiada dan ibunya pula kini lumpuh. Jadi, setiap pagi sebelum ke sekolah, anak ini akan bangun sangat awal untuk masak dan uruskan ibunya. Kita tidak boleh bayangkan kesusahan orang-orang ini, Dalia. Ada juga lagi satu kisah di mana sepasang ibu bapa yang buta, dapat pula anak yang lumpuh seluruh badan. Pernah tak terlintas di kepala kita, bagaimana mereka menguruskan kehidupan setiap hari?'

Dalia hanya membatu.

'Jadi kisah 7 dan 8, kamu carilah sendiri. Mahu berpuh lagi kisah kehidupan masyarakat yang kita sendiri tak mampu nak dengar sekalipun. Itu sekadar nombor yang Ustazah jadikan panduan, ketika jiwa rasa sangat tertekan menanggung sesuatu masalah. Ikutkan hati, kita mahu semuanya. Kita mahu sihat tubuh badan, mahu keluarga yang bahagia, yang kaya-raya, kita mahu kawan-kawan yang baik-baik dan bertimbangrasi, tapi kita tidak boleh dapat semua. Allah tahu apa yang kita mampu, jadi itulah yang kita dapat. Jika kita sabar, itu menunjukkan betapa baiknya kita menyantuni Allah. Kita terima 'hadiah' Allah seadanya.'

Airmata Dalia mengalir lagi. Apalah sangat masalah yang dia hadapi kalau dibandingkan dengan kisah orang-orang ini. Jadi betullah, Allah berikan apa yang kita perlukan, bukan apa yang kita mahu.